

**Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته 

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kita adakan pada sebelah pagi tadi, telah membincangkan dan membahaskan Belanjawan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Maka bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan itu saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula sebagai Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi: 

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Belanjawan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum itu, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengulas ataupun memberikan sebarang penjelasan-penjelasan terhadap soalan-soalan yang telah

ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum sempat dijawabnya pada mesyuarat yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya akan memberi penerangan yang lebih jelas kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong dan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu mengenai langkah-langkah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menangani isu keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak.

Dari segi dasar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa berusaha membangunkan dan memperkuatkan institusi keluarga ke tahap optimum dalam membentuk keluarga yang penyayang bagi melahirkan masyarakat yang harmoni. Tindakan intervensi berdasarkan pada Perintah Akta Undang-Undang Islam (Pindaan 2010), Perintah Akta Perempuan Bersuami (Pindaan 2010) dan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda.

Pelan Tindakan Isu Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak telah ditubuhkan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang menggariskan antara lain strategi bagi mengukuhkan institusi keluarga. Pada masa ini pihak kementerian sedang meneliti semula semua program dan aktiviti untuk memastikan keberkesanan dan memberikan keutamaan kepada

aktiviti yang dapat mencegah keganasan rumah tangga.

Program-program ke arah pengukuhan institusi keluarga termasuk bagi menyuarakan kes-kes keganasan rumah tangga ditangani melalui kaedah *whole of nation approach* dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan. Bagi memastikan institusi keluarga diperkuuhkan di negara ini, pihak kementerian akan memfokuskan Hari Keluarga Kebangsaan Tahun 2017 ini pada meningkatkan kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga.

Ini akan dilaksanakan melalui aktiviti kempen-kempen promosi melalui media dan penglibatan bersama *NGO's*. Manakala cadangan bagi tema Hari Keluarga Kebangsaan ini menjurus lebih fokus Hari Keluarga Kebangsaan iaitu "Keluargaku Penyayang Negaraku Gemilang". Pada tahun ini dicadangkan agar fokus utama sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2017 ialah untuk meningkatkan kesedaran pentingnya rasa kasih sayang antara keluarga untuk menjana kebahagiaan dan keharmonian keluarga dan rumah tangga.

Keharmonian sesebuah keluarga bergantung pada wujudnya perasaan kasih sayang serta rasa saling menghormati sesama ahli keluarga. Malahan dengan adanya kasih sayang yang kukuh dalam sesebuah keluarga itu akan dapat meningkatkan lagi sifat toleransi, kesefahaman dan ukhuwah

dan menangkis daripada terjadinya perselisihan faham terutama apabila sesebuah keluarga tersebut menghadapi masalah ataupun musibah.

Cadangan format acara sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2017 pada tahun ini adalah seperti Riadah Keluarga dan Majlis Perhimpunan Keluarga dengan format ceramah perdana yang antaralain membawa objektif pengukuhan institusi keluarga dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan serta pihak *NGO's* dan pihak swasta. Acara-acara sampingan ini juga akan dipertingkatkan lagi iaitu seperti program kesedaran kemahiran keibubapaan, program kesedaran hak kanak-kanak.

Peningkatan kes-kes yang dicatatkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) adalah kerana peningkatan kesedaran orang ramai tentang undang-undang yang ada di negara ini serta impak daripada program-program kesedaran yang dijalankan bukan sahaja oleh JAPEM tetapi oleh beberapa agensi yang berkepentingan, baik kerajaan dan bukan kerajaan. Program-program yang sedia ada akan dimantapkan lagi melalui perbincangan dengan agensi-agensi berkenaan dan objektif pengukuhan institusi keluarga.

Kempen promosi besar-besaran mengenai kepentingan keluarga penyayang juga akan *diungkayahkan* dengan rakan-rakan media kerajaan dan bukan kerajaan termasuk pemberitaan kepada syarikat-syarikat swasta dan sebagainya. Sekian penjelasan dari kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama saya masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan Tajuk ini. Sebelum itu saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan suka untuk membuat kenyataan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam seja tera. Kaola cuma ingin menjawab satu soalan sahaja Yang Berhormat Pengerusi iaitu daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim mengenai pengukuhan jati diri bangsa melalui hasil-hasil buku tempatan.

Kaola ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, bahawa di Kementerian Pendidikan, hasil-hasil penulisan dari penulis-penulis tempatan negara kita telah didedahkan di sekolah-sekolah seluruh negara. Usaha Unit Sumber Sekolah di Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Perkembangan Kurikulum bahawa semua sekolah telah menyediakan sudut inspirasiku. Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan mengambil inisiatif memperkenalkan amalan bacaan teras ataupun asas (*compulsary reading*) kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.

Buku bacaan teras ini diperkenalkan melalui satu program yang dikenali sebagai Buku Bacaan Inspirasiku. Program ini adalah bagi membangkitkan semangat jati diri bangsa, agama dan tanah air serta cintakan ilmu hasil cetusan minda dari buku yang dibaca. Ke arah ini, pihak jabatan telah mengenal pasti tema-tema yang bersesuaian bagi dimuatkan ke dalam siri Buku Bacaan Inspirasiku iaitu dari aspek sejarah dan pembangunan Brunei, kedaulatan agama Islam, kesultanan, pendidikan, ekonomi, adat-istiadat dan sosial.

Keistimewaan siri Buku Bacaan Inspirasiku ialah ia memuatkan hasil penulisan tokoh-tokoh ulama dan cendekiawan tempatan. Adalah diharapkan para pelajar akan terinspirasi dengan gagasan pemikiran penulis-penulis tersebut untuk dihayati dan diamalkan dalam kehidupan mereka. Program ini akan melibatkan semua pelajar di peringkat rendah atas iaitu Tahun 4 hingga Tahun 6 dan peringkat menengah Tahun 7 hingga Tahun 10 atau Tahun 11.

Setiap pelajar dikehendaki membaca buku-buku dalam senarai yang terkandung dalam siri Buku Bacaan Inspirasiku. Fokus yang diketengahkan terkandung dalam siri dalam pemilihan tajuk yang tersenarai dalam kategori Siri Buku Bacaan Inspirasiku ialah kesultanan, tokoh-tokoh ilmuan, sirah nabi dan sahabat, keagamaan, kemasyarakatan, kenegaraan, ekonomi dan keusahawanan, pendidikan, kebudayaan dan keantarabangsaan.

Dengan menjadikan Siri Buku Bacaan Inspirasiku ini sebagai buku bacaan teras bagi semua murid dan pelajar sekolah rendah dan menengah, ia diharapkan akan dapat melahirkan pelajar yang suka menimba ilmu, bersikap proaktif dan bersemangat tinggi untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Di samping itu, matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu: "Rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi," إِنَّهُمْ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنُونَ akan dapat direalisasikan. Ada beberapa buah buku atau novel tempatan juga digunakan oleh pelajar-pelajar seperti contohnya di peringkat *A'level*, novel tempatan bertajuk "Hadiah Sebuah Impian" dan "Puncak Pertama" yang merupakan novel moden.

Sementara di Peringkat *O'level*, "Hikayat Awang Kamaruddin", novel "Pengabdian", "Meniti Waktu" (sebuah cerpen), "Antologi Sajak Cermin Diri" yang semuanya merupakan buku-buku tempatan.

Dalam subjek MIB, pengukuhan jati diri bangsa diajarkan di peringkat sekolah rendah contohnya tanggungjawab pelajar terhadap diri sendiri, keluarga, jiran dan masyarakat sekolah dan negara. Semua tanggungjawab yang di atas sudah diajarkan dari rendah bawah lagi.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi soalan daripada Yang Berhormat tadi ingin kaola kongsikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pagi tadi. Dalam menyokong Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kaola ingin menyuarakan 2 cadangan:

1. Kod Akaun 004/003. Kaola ingin menyuarakan mengenai Pusat Pembangunan Belia. Sejak ia ditubuhkan banyak kursus yang telah diperkenalkan untuk para belia khusus menekankan tiga komponan penting iaitu Latihan Kemahiran, Pembangunan Diri dan Penempatan Kerja. Kita ingin melahirkan para belia yang mempunyai kemahiran yang tinggi, memiliki nilai jati diri dan mampu berdiri mengharungi cabaran kehidupan yang serba mencabar ini.

Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi, apakah pihak kementerian telah memikirkan sebarang cadangan penambahan kursus yang disediakan di pusat berkenaan? Sebagai contoh kursus yang menjurus kepada perubatan tradisional seperti urut tradisional atau kursus dalam perubatan Islam seperti berbekam dan sebagainya.

Pada hakikatnya jika kita lihat negara masa ini, kita amat ketandusan

rakyat tempatan yang pakar dalam hal perubatan hal tradisional, bahkan tidak mustahil kemahiran ini akan pupus. Tambahan lagi perubatan secara tradisional ini dimonopoli oleh tenaga-tenaga dari negara asing yang kita tidak tahu betul atau tidak.

Dengan adanya kursus bersijil seperti ini diadakan di Pusat Pembangunan Belia, kewujudan kemahiran itu akan terjamin. Malah kaola optimis, mengatakan bahawa belia yang berkemahiran ini mampu berdiri sendiri untuk menjana pendapatan sendiri dengan kemahiran yang ada dengan sijil yang dimiliki;

2. Mengenai Tajuk SL01A – Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Program *I-RDY* yang baru-baru ini telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Program *I-RDY* (*I-Ready*) ini menasarkan graduan yang belum berkhidmat bagi mendedahkan perintis kepada pelbagai peluang kemahiran dan pengalaman bekerja di sektor awam ataupun sektor swasta sebelum memiliki pekerjaan yang tetap.

Program yang disediakan adalah bagi memenuhi hasrat memberi latihan dan bimbingan dalam memastikan akan perkembangan dan pencapaian perintis memenuhi keperluan industri. Tidak syak lagi bahawa perintis yang merupakan graduan

yang belum berkhidmat ini adalah terdiri daripada golongan belia.

Sebagai cadangan, selain program kemahiran dan pengalaman bekerja apakah ada kesesuaian untuk menambah slot program yang menjurus kepada kemasyarakatan seperti keterlibatan perintis dalam bantuan kebajikan am atau bencana alam yang dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program ini ada baiknya diwajibkan kepada mana-mana perintis yang belum pernah terlibat dalam PKBN. Kaola berpandangan ini perlu bagi tujuan mendidik nilai jati diri para belia lebih-lebih lagi belia yang berstatus graduan agar para belia mempunyai rasa tanggungjawab terhadap kesejahteraan bangsa dan negara serta peka dengan perkembangan semasa.

Kaola juga ingin melihat para belia kita terlibat dalam misi bantuan ke negara-negara yang memerlukan bantuan. Siapa tahu program yang disediakan akan memberi nilai tambah kepada yang kaola maksudkan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kaola juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat di atas perhatiannya terhadap Pusat Pembangunan Belia.

1. Memang Pusat Pembangunan Belia telah pun wujud dalam 23 tahun yang lalu. Ia ditubuhkan pada tahun 1994 dan telah pun melalui berbagai peningkatan dan perubahan yang positif. Mengenai penelitian terhadap kurikulum yang ada, memang yang sentiasa diusahakan untuk memberikan pembaharuan dari pelaksanaan kursus-kursus baharu dan menambahkan kurikulum yang berkepentingan yang dapat menjana lepasan pelatih ini dapat pekerjaan di luar.

Kkalau diteliti dari senarai kursus yang diadakan itu dikirakan yang sudah berjaya dan dapat memberikan pekerjaan kepada mereka yang mengikutinya khususnya daripada golongan sasaran.

Walau bagaimanapun, semua cadangan bagi pembaharuan kurikulum ini, apatah lagi tadi isu-isu perubatan Islam dan sebagainya ini mungkin memerlukan satu penelitian juga dan perlu diluluskan oleh Ahli Lembaga Penasihat Pusat Pembangunan Belia sebelum dilaksanakan dari segi kesesuaianya pun harus diteliti untuk dilaksanakan tanpa menjelaskan kurikulum yang sedia ada yang pada masa ini menggunakan Pensijilan *City and Guilds*.

Ini ialah satu pengiktirafan yang tinggi yang telah diberikan kepada PPB dalam kurikulum yang ada pada masa ini;

2. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah mengenai dengan lepasan-lepasan untuk ia dapat mengambil kaedah daripada pendekatan baharu melalui *I-RDY* (*I-Ready*). Ini adalah satu cadangan yang baik, khusus dalam memberikan ruang dan peluang kepada lepasan Pusat Pembangunan Belia agar lebih *marketable* ataupun dapat diambil bekerja di mana-mana dalam apa juga bidang dan kemahiran yang mereka pelajari; dan
3. Saranan untuk pelatih atau lulusan ini diberikan pendedahan lain termasuk bantuan kemanusiaan luar negeri, memang diambil maklum dan pada masa ini juga sebagai makluman Pusat Pembangunan Belia akan melaksanakan satu program baharu dikenali sebagai *Program Trajectory* yang berperanan dalam memberikan pendedahan awal hala tuju kepada pelatih Pusat Pembangunan Belia berkaitan dengan 3 kategori iaitu pekerjaan, keusahawanan dan juga pelajaran. Sekian Yang Berhormat Pengurus sebagai penjelasan.

Yang Berhormat Pengurus: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengurus. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera. Kaola ingin berkongsi pandangan di bawah Tajuk SL04A-Muzium-Muzium. Syukur Negara Brunei Darussalam tidak

terkecuali mempunyai tempat-tempat yang menarik dan tempat-tempat menyimpan benda-benda warisan yang bersejarah untuk dilawati oleh para pelancong asing mahupun penduduk Negara Brunei Darussalam.

Bangunan-bangunan yang dimaksudkan adalah seperti Muzium Brunei, Muzium Maritim Brunei Darussalam, Muzium Teknologi Melayu, Muzium Kuala Belait, Alat-Alat Kebesaran Negara dan juga Galeri Seni.

Semua tempat-tempat yang kaola nyatakan adalah tempat menyimpan benda-benda bersejarah dan warisan serta hasil karier penduduk tempatan yang berfaedah untuk kepentingan pendidikan dan pelancongan.

Dalam hal ini, kaola berpandangan dan berpendapat adalah lebih tepat dan sesuai masanya mulai dari sekarang para pengunjung khususnya pelancong asing hendaklah dikenakan bayaran yang bersesuaian sebagai hasil pendapatan negara seperti mana juga halnya di negara-negara lain. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Naim di atas perhatian dan pengamatan mengenai fungsi dan keberkesanannya Muzium-Muzium yang ada terdapat di Negara Brunei Darussalam pada masa ini.

Namun demikian cadangan yang akhir itu mengenai mengenakan bayaran, perkara ini perlu mendapat pertimbangan ataupun keputusan dari kementerian-

kementerian lain khususnya Kementerian Kewangan. Walaupun kitani biasa untuk menjana pendapatan negara, adakah perkara-perkara seperti ini yang kitani lihat memberikan pendedahan dan akan keunikkan atau kekayaan khazanah Brunei dari segi sejarah dan muziumnya berbaloi hanya dengan minta sebanyak \$2.00 ataupun \$1.00 untuk dikenakan bayaran dan akan menerima pandangan yang berbeza bagi pengunjung-pengunjung yang sudah biasa untuk sekian lama menerima ini sebagai satu keistimewaan dan nikmat berkunjung ke Negara Brunei Darussalam.

Barangkali itu pandangan kaola secara sekali lintas. Namun demikian jika pun ada rakan-rakan Yang Berhormat dari kementerian berkepentingan untuk memberikan pendapat untuk renungan dan perhatian bersama.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّاتُهُ dan salam sejahtera.

Lebih dahulu terima kasih atas mukadimah dan perancangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Di bawah Kod Akaun 004/002-Pembangunan Keusahawan Belia dan Kod Akaun 002/007-Program Bantuan Keusahawan dan Kod Akaun K27120. Kaola ingin memberi sokongan kepada cadangan yang disampaikan lebih awal dari rakan sejawat Yang Berhormat Pengiran Haji Ali.

Kaola ingin menambah supaya pihak KKBS dapat berkerjasama atau bertemu Ahli-ahli *Darussalam Enterprise* iaitu *DARe* untuk menyumbang dan memajukan lagi peluang bagi peserta belia dan lebih khusus peserta yang kurang pencapaian dari segi akademik tetapi mempunyai kemahiran yang lain. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Perhatian ini abis kaola terima dan إِنَّمَا, abis kaola akan mengadakan pertemuan ataupun perjumpaan dan permuzakarahan dengan *DARe* dan yang bisai untuk menambah itu saja yang kitani alu-alukan. Tujuan utama diambil kira salah satunya kebeliaan yang meliputi keusahawanan dan juga kesukarelawanan seperti yang kaola jelaskan dalam mukadimah.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila

Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَسَلَامُ اللَّهُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
and salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di atas mukadimah Yang Berhormat.

Kaola ada 3 cabang soalan. Kaola ingin menyusul semula soalan yang kaola pernah ajukan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (kedua) mengenai

penyelaras data-data dari banci. Kaola difahamkan pada tahun 2011 terdapat cadangan, rancangan untuk menubuhkan satu garis kemiskinan *poverty guideline* negara dengan menggunakan data yang diperolehi dari penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah Kebangsaan.

Kajian Perbelanjaan Keluarga telah pun dijalankan dan data yang terkini kalau kaola tidak silap adalah dari tahun 2015 dan 2016.

1. Adakah usaha-usaha sudah dibuat untuk menyelaraskan data-data dari banci tersebut untuk mengenal pasti golongan yang memerlukan bantuan seperti bantuan JAPEM dan MUIB dan apakah statusnya pada masa ini?; dan
2. Kaola akan *touch best on* di bawah Tajuk SL02A-Dewan Bahasa dan Pustaka. Mengenai jumlah kutipan hasil bagi Dewan Bahasa dan Pustaka. Kaola lihat kutipan hasil bagi tahun 2015 ke 2016 adalah sebanyak \$150,000.00. Pada tahun-tahun yang seterusnya sehingga tahun 2016 ke 2017 ada pengurangan dari kutipan hasil pada 2016 ke 2017 kutipan hasil mendapat hanya \$67,000.00 sahaja iaitu dari \$150,000.00 menurun kepada \$67,000.00 Apakah menyebabkan pengurangan kutipan hasil tersebut?

Abis kaola ingin menyentuh saranan wakil daripada Ahli Yang Dilantik Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan pada hari Selasa, 8 Jamadilakhir 1437 bersamaan

7 Mac 2017. Menyentuh dengan titah *Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan* dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai penyediaan asas ilmu pengetahuan sekolah rendah dan sekolah menengah dengan memastikan penekanan yang *actionable realistic and cost efective*.

Abis kaola menekankan dengan menggunakan *whole of community* bukan saja *whole of nation whole, community approach* yang melibatkan masyarakat, sukarelawan, penuntut, ibu bapa termasuk dengan penggunaan *internet* dan yang melibatkan masyarakat.

Kaola ingin menyentuh asas kelebihan dengan menggunakan perpustakaan. Perpustakaan sebagai tempat mengajar remaja dari segi bimbingan *life skill guidance*. Perpustakaan sebagai rakan kongsi yang penting dalam perkembangan kanak-kanak, perpustakaan dapat menyediakan peluang rangkaian perniagaan.

Abis kaola mencadangkan seperti mana kaola di pahamkan terdapat 9 buah perpustakaan semuanya. Bangunan-bangunan tersebut dapat disewakan kepada operator iaitu *lease to operator* dengan cara *PPP* dan diberikan kepada operator mengikut kreativiti-kreativti mereka sendiri untuk melaksanakan perniagaan berdasarkan dengan

garis panduan yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sekiranya dilihat dalam *world park figure* \$5,000.00 disewakan pada tiap-tiap bulan bagi 9 buah perpustakaan. Kutipan boleh sebanyak \$45,000.00 sebulan kalau dikali dengan 12 dapat menjadikan hasil sebanyak \$540,000.00 iaitu lipat ganda kutipan hasil.

Di samping itu juga ia dapat mengurangkan perbelanjaan pemeliharaan aset yang kaola lihat masa ini ada \$207,000.00 untuk Pemeliharaan Aset di bawah Tajuk Dewan Bahasa dan Pustaka. Promosi perpustakaan dan bacaan boleh juga dikurangkan dan juga pembekalan bahan buku bacaan, kalau ianya *di least to operate* kepada operator dengan menggunakan *PPP*.

2. Soalan kaola yang seterusnya ia sudah disoalkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, cuma kaola mahu menambah saja lagi:
 - i. Mengenai Pusat Pembangunan Belia. Apakah perancangan atau adakah perancangan dibuat untuk melibatkan sektor swasta dari sektor-sektor industri dan *trades skill* untuk dijadikan fasilitator sambilan semasa kursus dijalankan?;
 - ii. Berapakah kadar kejayaan sukses bagi penuntut untuk mendapatkan

pekerjaan selepas menamatkan kursus tersebut?; dan

- iii. Adakah ia bila mereka mendapat pekerjaan bersangkut-paut dengan kursus yang diambil? Sekiranya ia berjaya dipohonkan agar dapat menambah lagi *intake* penuntut setiap tahun. Kaola difahami ada 2 *intake* setahun. 200 penuntut setiap tahun, ertinya 100 penuntut setiap *intake*.

Itu saja yang disampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga atas soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat. Kaola kurang jelas Yang Berhormat Pengerusi mungkin jika sudah disampaikan kepada pihak Kementerian Kewangan tadi *dimension* sama ada adakah respons dari Kementerian Kewangan sudah dibuat dan sebagainya? Jika perlu kaola minta diulangi soalan ini Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila

Jasa Haji Abdul Rahman: Baik Yang Berhormat. Pada tahun 2011 terdapat cadangan rancangan untuk menujuhkan satu garis panduan kemiskinan (*poverty guideline*) negara dengan menggunakan data yang diperolehi dari penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah Kebangsaan, masa itu pada tahun 2012. Kajian perbelanjaan keluarga terbaharu adalah 2015-2016.

Adakah usaha-usaha sudah dibuat untuk menyelaraskan data-data dari banci untuk mengenal pasti golongan yang memerlukan bantuan seperti bantuan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Majlis Ugama Islam (MUIB)?; dan apakah statusnya pada masa ini?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:
Terima kasih Yang Berhormat.

1. Bagi jawapannya memang sudah dibuat kaji selidik ini dan sebagai asas juga bagi pihak Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial dan juga melalui strategi jaminan sosial untuk mengenal pasti dan sebagai sukat-sukatnya dalam menimbangkan sebarang bantuan, baik daripada bantuan keluarga bulanan dan juga bantuan-bantuan yang lain.

Mengenai *poverty line* itu memang sudah jadi isu yang dinaikkan setiap tahun. Memang tidak dapat dijelaskan juga dalam keputusannya. Barangkali itulah sebahagiannya dan ia memangnya sudah dikira dan bagi Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial ia memang dipengerusikan oleh kaola selaku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tapi juga dianggotai oleh beberapa orang Yang Berhormat Menteri di kementerian khususnya dari Kementerian Hal Ehwal Ugama. Jadinya penyeajaran mengenai kadar-kadar bantuan ini berpandukan daripada garis panduan atau kaji selidik yang telah

- pun diadakan. Itulah sebagai penerangannya.
2. Perhatian Yang Berhormat mengenai kutipan hasil Dewan Bahasa dan Pustaka kelihatan menurun dan juga termasuk kaitannya dengan cadangan Yang Berhormat, apa kiranya untuk meningkatkan pendapatan ini, ia digunakan ataupun diberikan peluang sebagai *PPP* yang ingin mengoperate perpustakaan dan sebagainya.
- Pada dasarnya jabatan bukan berperanan untuk memberikan pendapatan hasil ataupun *income generating* untuk kerajaan tetapi fungsi utama Dewan Bahasa dan Pustaka ialah untuk meningkatkan dan menyebarluaskan penggunaan bahasa Melayu, menerbitkan buku, majalah dan jurnal untuk penyebaran penggunaan bahasa Melayu tetapi secara tidak langsung dapat memberikan hasil pendapatan kepada kerajaan.
- Pendapatan hasil Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan dan menjual buku, majalah dan jurnal secara tidak langsung dapat memberikan hasil pendapatan kepada kerajaan walaupun hasil jualan tidak memberikan pulangan yang menguntungkan. Ini termasuk bila-bila masa Dewan Bahasa dan Pustaka menyertai pesta-pesta buku sama ada dalam dan juga luar negeri. Memang pendapatan daripada pesta-pesta buku ini memang kurang jika dibandingkan dengan jika ada pesta ataupun festival diadakan dalam negeri.
- Penurunan pendapatan hasil ini kerana buku-buku teks dan buku bahan bacaan tambahan di sekolah menengah dan rendah telah diambil alih sepenuhnya oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan. Itulah antara lain penjelasan pada soalan tersebut.
- Mengenai cadangan untuk ia disewakan sebagai *PPP* dan sebagainya. Ini mungkin satu cadangan baik yang harus diteliti juga diterokai dan sejauh mana nanti syarikat-syarikat yang berkeinginan itu dapat menjayakannya? Masih lagi perlu kita lihat juga kerana dalam mukadimah awal dan jawapan-jawapan soalan awal, timbul isu segala *e-library* dan sebagainya kecuali perpustakaan itu juga dibenarkan membuat perkara-perkara lain sebagai sampingannya mungkin ada restoran dan sebagainya.
- Itulah barangkali dapat juga diteliti Yang Berhormat Pengurus satu cadangan yang perlu diterokai sepenuhnya.
3. Mengenai Pusat Pembangunan Belia. Tadi ada Yang Berhormat juga menyatakan penglibatan pihak industri untuk sama terlibat dalam program yang dijalankan. Pusat Pembangunan Belia sememangnya saling bekerjasama dengan pihak

industri dalam apa juga program dan kursus yang dilaksanakan agar ilmu-ilmu kemahiran yang ada adalah selaras dengan kehendak majikan dan pasaran pekerjaan pada masa ini.

Pusat Pembangunan Belia sebelum ini sudah pernah melaksanakan Program *kick start* iaitu sebuah program yang bertujuan untuk menjemput para majikan dari pelbagai industri hadir bagi sama-sama membincangkan dan bertukar-tukar pandangan serta pendapat berkaitan dengan perkembangan terbaru dalam keperluan industri pada masa kini yang boleh dimanfaatkan dalam *syllabus* pembelajaran khusus di Pusat Pembangunan Belia.

Dari program tersebut timbul satu program yang dipanggil Kursus Lanjutan *Auto CAD*. Pihak Pusat Pembangunan Belia telah bekerjasama dengan sebuah syarikat dalam memberikan latihan kemahiran peringkat lanjutan kepada para pelatih *Auto CAD* yang mengikuti kursus di Pusat Pembangunan Belia dan seterusnya memberikan peluang bagi pendapatan kerja yang akan diselia oleh syarikat berkenaan.

4. Seterusnya Yang Berhormat juga mengutarakan soalan mengenai dengan *success rate* ataupun kejayaan Pusat Pembangunan Belia ini. Berdasarkan statistik perkembangan terkini yang telah

dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Belia bagi Program Pembangunan Belia dan kursus-kursus singkat yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- i. Bagi Program Pembangunan Belia. Lebih 38% lepasan pelatih bagi sesi Januari dan Julai 2015 telah mendapatkan pekerjaan setelah menamatkan keseluruhan program yang diikuti manakala selebihnya masih lagi giat mencari pekerjaan;
- ii. Bagi kursus-kursus singkat yang dilaksanakan berdasarkan kepada kehendak pasaran pekerjaan dan menjurus kepada bidang-bidang industri seperti Industri Minyak dan Gas, Industri Telekomunikasi dan Pertanian. *Success rate* yang telah mendapatkan pekerjaan setelah menamatkan kursus adalah seperti yang berikut:
 - a. Kursus Pemandu Jentera Berat 70%;
 - b. Kursus *Scaffolding* 71.4%;
 - c. Kursus Belia Berpadi 93%;
 - d. Kursus *Fibre to Home* 56%.; dan
 - e. Kursus *Cable Jointer* 53%.

Itulah yang dapat kaola sampaikan sebagai jawapan dan juga penjelasan serta mengongsikan juga kejayaan yang

telah dicapai di Pusat Pembangunan Belia dalam menjana jati diri belia dan menjana pekerjaan kepada belia untuk masa hadapan mereka.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ وَسَلَامٌ عَلٰيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ وَاللّٰهُمَّ آتِهِمْ مَا كَانُوا يُحِلُّ لَهُمْ وَلَا يُحِلُّ لَهُمْ مَا كَانُوا يَعْصِيُونَ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kaola akan mengajukan di bawah Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat. Kaola merujuk Kod Akaun 002/002 - Bantuan Kebajikan Am. Nampak pengurangan Anggaran Belanjawan 2017/2018 pada Tahun Perbelanjaan 2016 dan 2017. Terdapat Perbelanjaan Peruntukan berjumlah \$7,971,812.00, sementara bagi Tahun Kewangan 2017/2018 dianggarkan Perbelanjaan sejumlah \$5,418,450.00 sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi. Pertanyaan kaola:-

1. Adakah jumlah penerimaan Bantuan Kebajikan Bulanan akan berkurangan bagi tahun 2017/2018 dan suka cita ingin mengetahui berapa

perbelanjaan bulanan sebenar bagi Bantuan Kebajikan Bulanan ini; dan

2. Adakah permohonan untuk mendapatkan bantuan ini akan diketatkan?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuba menjawab dahulu namun demikian kalau mengikut fakta jumlahnya ini kaola memerlukan masa juga.

Kalau soalan pertama adakah Bantuan Kebajikan Bulanan akan meningkat. Mengikut *trend* yang ada pada masa ini memang ia terus meningkat Yang Berhormat Pengerusi dan makanya juga Majlis Kebangsaan Isu-isu Sosial telah pun membuat beberapa pendekatan dan termasuklah jawapan kaola yang terdahulu bahawa akan memperkenalkan skim baharu juga, namanya pun masih lagi belum dapat didedahkan, jadikan memilih namanya yang lebih baik juga kerana untuk orang yang *able body* dan *able to work* ini apabila dapat dikeluarkan daripada senarai yang memohon bantuan bilangan mungkin akan berkurangan dalam kajian berkenaan. Kitani akan merekod juga kaedah *workfare* apa dan sebagainya.

Namun demikian melalui Majlis Kebangsaan Isu-isu Sosial kaola sudah mencuba untuk mlarikan 100 sebagai percubaan dan *succeeded* melalui

100 yang dikeluarkan ini adalah menyampai kepada 24 peratus sahaja boleh dikeluarkan.

Jadinya ia memerlukan masa yang panjang. Ada kaitannya dengan soalan yang kedua.

Permohonan akan diketatkan ini kerana isu permohonan yang diketatkan ini memang JAPEM mempunyai tugas yang besar, cabaran yang banyak untuk mengemaskinikan profil pemohon.

Database untuk dikemaskinikan dan juga memerlukan orang untuk meneliti semula apabila permohonan itu dibuat untuk kali kedua dan seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Ia memang kita akan ketatkan dan memberikan bantuan kepada yang berhak dan yang perlu sahaja, kerana kategori itu lebih jelas, kerana kalau dia ketua keluarga, kalau anak-anaknya belum bersekolah memang ada keutamaannya. Itulah hakikatnya pada secara umum. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya bersimpati penuh dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bak kata pepatah:- "Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul".

Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan dan penerangan-penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai Belanjawan Kementeriannya dan juga daripada beberapa orang rakan

sejawatannya dari kementerian lain berhubung dengan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Maka saya kira cukuplah bagi kita meneliti perkara ini dan saya cadangkan supaya Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini sekarang kita undi sama ada ia diluluskan atau sebaliknya. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Rang Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini diluluskan sila angkat tangan?.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju. Oleh yang demikian Belanjawan Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita sekarang akan membincangkan Belanjawan Kementerian Kesihatan. Sebagaimana lazimnya sebelum Tajuk ini kita bukakan untuk dibahaskan, saya ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menyampaikan ucapan pendahuluannya

ataupun mukadimahnya tentang Belanjawan Kementerian Kesihatan. Saya persilakan Yang Berhormat sekarang.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اللَّهُمَّ إِنِّي مُرْسَلٌ إِلَيْكُمْ مُوْزَعٌ حَمْدًا لِلَّهِ وَلِرَبِّ الْعَالَمِينَ dan salam sejahtera. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, الْحَمْدُ لِلَّهِ Peruntukkan Tahun Kewangan 2017/2018 yang disokong bagi Kementerian Kesihatan adalah berjumlah \$323, 880, 340.00 dan ini termasuk juga Perbelanjaan Kemajuan sejumlah \$7,766, 900.00. Dengan limpah kurnia rahmat dan hidayah Allah Subhanahu Wataala serta di bawah kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk negara ini akan terus dapat menikmati pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan demi mencapai hasrat kesejahteraan dan kemakmuran di negara ini.

Adalah jelas betapa luhur dan murninya kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan sifat keprihatinan, pemedulian serta komitmen baginda, perkhidmatan penjagaan kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa diutamakan.

Ini dapat dilihat melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1437/2016, baginda bertitah:-

"Kesihatan adalah faktor yang paling penting untuk semua. Jika badan sihat, semua kerja boleh dibuat dengan baik. Sebaliknya jika tidak sihat, maka segala aktiviti tidak akan dapat berlaku dengan sempurna. Inilah rahsia atau harga kesihatan". Begitulah bunyi titah baginda.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam mendukung hasrat memberikan penjagaan kesihatan yang terbaik di negara ini seperti mana yang telah disampaikan dalam mukadimah kaola pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas, keutamaan Perbelanjaan Kementerian Kesihatan di sepanjang tempoh 2015 - 2020 adalah tertumpu kepada 3 keutamaan strategik seperti yang berikut:-

1. Menerapkan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua;
2. Mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit; dan
3. Memberi perkhidmatan cemerlang melalui penyepaduan (*consolidation*) dan penyejajaran perkhidmatan penjagaan kesihatan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ beberapa usaha yang menjurus kepada ketiga-tiga strategi utama ini telah dilaksanakan termasuklah penyepadan beberapa buah pusat kesihatan untuk memberikan perkhidmatan secara *one-stop centre*, pencantuman perkhidmatan *EMAS* (*Emergency, Medical and Ambulance Services*) bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pengurangan masa menunggu bagi beberapa perkhidmatan kesihatan, penubuhan Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*), dan mendapatkan pengiktirafan piawaian antarabangsa seperti pengiktirafan *ISO 17025* bagi perkhidmatan makmal dan akreditasi antarabangsa *Joint Commission International (JCI)* bagi Pusat Kesihatan Pengkalan Batu, pusat kesihatan kerajaan yang pertama mendapat akreditasi seumpamanya.

Yang Berhormat Pengurus dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di sebalik pencapaian berkenaan, Kementerian Kesihatan menyedari masih banyak lagi usaha yang perlu *diungkayahkan* dan cabaran yang perlu ditangani bagi memenuhi ekspektasi pihak-pihak yang berkepentingan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada 27 September 2016, telah bertitah memperingatkan bagi perkhidmatan yang mesra pelanggan lagi berkualiti, konsisten, dan selamat untuk dilaksanakan supaya ia benar-benar dapat dinikmati oleh orang ramai.

Mesra pelanggan, masa menunggu yang lama semasa mengambil ubat dan mendapatkan rawatan di Perkhidmatan Kecemasan, dan kekurangan ubat antara isu yang sentiasa menjadi keluhan para pelanggan.

Dalam pada itu, majoriti isu dan cadangan yang diutarakan semasa beberapa sesi muzakarah bersama pihak berkepentingan dari dalam dan luar (*internal and external stakeholders*) termasuklah juga bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat di setiap daerah di negara ini, adalah bertumpu kepada 7 tema iaitu:-

1. Mesra pelanggan;
2. Keselamatan makanan;
3. Komunikasi;
4. Promosi kesihatan;
5. Akses kepada perkhidmatan dan kemudahan;
6. Pengambilan ubat-ubatan; dan
7. Perkhidmatan yang berkualiti termasuklah penyediaan sistem perjanjian (*appointment system*).

Cadangan atau isu yang diutarakan ini sejajar dengan hala tuju, inisiatif-inisiatif dan pelan-pelan tindakan yang telah direncanakan dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan. Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas semua maklum balas dan nasihat yang diberikan yang sangat bermanfaat demi

menambah baik tahap perkhidmatan Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kesihatan adalah tanggungjawab semua (*health is everyone's business*). Oleh itu, penjagaan makan dan minum amat penting sebagaimana jua dengan Firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raf ayat 31 yang bermaksud:-

"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang baik lagi sempurna setiap kali mendirikan sembahyang (dan tawaf), serta makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan."

Ayat ini menunjukkan betapa pengambilan makanan dan minuman yang berlebihan adalah tidak disenangi oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Seseorang yang tidak menjaga kesihatan dirinya adalah tidak berlaku adil kepada dirinya sendiri, keluarga dan masyarakat kerana mendedahkan dirinya kepada risiko penyakit. Walhal, negara amat memerlukan rakyat yang sihat dan produktif demi untuk membina negara yang makmur dan mampu berdaya saing.

Dalam konteks ini, mari kita lihat beberapa hasil kajian yang dilakukan di negara ini. Kajian *Integrated Health Screening* dari tahun 2007-2011, mendapati secara purata hampir 70% penjawat awam (*civil servants*) tidak melakukan aktiviti fizikal yang mencukupi. Kajian *Global School Health*

Survey tahun 2014 pula, menunjukkan bahawa lebih kurang 87% kanak-kanak di negara ini kurang melakukan kegiatan fizikal. Dalam erti kata lain, hanya 13% sahaja anak-anak kitani yang menjalani kegiatan fizikal yang mencukupi.

Dalam masa yang sama, apa yang amat mencemaskan ialah insiden penyakit-penyakit seperti darah tinggi dan kencing manis sudah mula timbul pada umur yang masih muda dalam lingkungan 20 - 30 tahun. Ini adalah satu situasi yang amat membimbangkan dalam keadaan negara memerlukan rakyat yang produktif ke arah pertumbuhan sosioekonomi yang cemerlang.

Di samping itu, laporan *Global Nutrition Report* tahun 2016 telah menempatkan Negara Brunei Darussalam sebagai negara tertinggi bagi obesiti dalam kalangan orang dewasa di rantau ini. Berat badan yang berlebihan dan obesiti boleh membawa kepada penyakit tidak berjangkit seperti kanser, jantung, kencing manis dan strok yang juga adalah punca kematian utama di negara ini.

Dengan yang demikian, amalan pemakanan yang tidak seimbang, kurang melakukan kegiatan fizikal, dan cenderung kepada pengambilan makanan segera yang tinggi dengan kalori atau gula dan garam perlu kita ubah dengan segera.

Kesan tingginya kadar obesiti dan gejala penyakit tidak berjangkit di negara ini dapat kita lihat melalui Peruntukan Belanjawan Kementerian Kesihatan

Tahun Kewangan 2017/2018 ini. Hampir \$196 juta ataupun 62% daripada belanjawan yang diperuntukkan untuk Kementerian Kesihatan adalah bagi penjagaan kesihatan *secondary* dan *tertiary* iaitu bagi rawatan pesakit.

Jumlah ini belum termasuk peruntukan yang disediakan di bawah kawalan Kementerian Kewangan bagi membiayai perbelanjaan penghantaran pesakit untuk menjalani rawatan di *The Brunei Cancer Centre (TBCC)*, *Brunei Neuroscience, Stroke & Rehabilitation Centre (BNSRC)* dan di Pusat Jantung *Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (GJPMC)*. Ini menandakan betapa tidak sihatnya rakyat dan penduduk di negara ini. Keadaan ini sesungguhnya tidak *sustainable* bukan sahaja dari aspek kos pembiayaan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat malahan yang lebih penting lagi adalah dari segi impaknya kepada produktiviti negara.

Dari sudut yang lain, belanjawan bagi membiayai program-program pencegahan termasuk Penjagaan Kesihatan Asasi hanya diperuntukkan sebanyak kira-kira 14% yang jauh lebih rendah akan tetapi dalam masa yang sama memberikan impak yang lebih besar.

Dalam hubungan ini, alangkah lebih baik jika kita memberikan lebih fokus kepada mempertingkatkan gaya hidup sihat dan pencegahan penyakit dalam memastikan rakyat dan penduduk akan terus sihat dalam tempoh yang lebih panjang.

Yang Berhormat Pengurus dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas, kaola ada membayangkan satu senario pada satu masa nanti, anak/cucu/cicit kitani dan setiap individu di negara ini bertanggungjawab dan memainkan peranan dalam menjaga kesihatan masing-masing dengan mengamalkan permakanan dan gaya hidup yang sihat. Semua tempat riadah dipenuhi setiap hari oleh semua peringkat umur tua dan muda.

الحمد لله sebahagian daripada impian ini telah menjadi kenyataan. Kita telah dapat melihat orang kitani sudah makin banyak melakukan aktiviti riadah, berlari, senamrobik, berjalan selepas subuh atau selepas kerja berbasikal dan sebagainya. Ini terbukti dari kajian *national non-communicable disease (NNCD) steps survey* tahun 2016 bahawa peratus orang dewasa di negara ini yang aktif secara fizikal telah meningkat daripada 65% tahun 2011 kepada 75% pada tahun 2016. Lebih ketara lagi pada setiap hari Ahad ahli-ahli keluarga dan individu beramai-ramai memeriahkan Program BandarKu Ceria. Program ini berhasrat bukan sahaja untuk mewujudkan hidup sihat malahan membantu mengukuhkan institusi kekeluargaan dan memeriahkan lagi Bandar Seri Begawan serta menyediakan platform bagi pembangunan usahawan-usahawan baharu di negara ini.

Perkara ini satu perkembangan positif yang perlu pertingkatkan lagi. Program

BandarKu Ceria adalah contoh baik sebagai pendekatan secara *whole of nation* bahkan *whole of society* adalah lebih berkesan dan *sustainable*. Pihak kerajaan hanya memainkan peranan sebagai pemudah cara manakala individu, persatuan dan kumpulan-kumpulan yang berkenaan adalah peneraju sebenar dalam memastikan BandarKu Ceria ini sentiasa hidup dan meriah setiap hari Ahad. Apa yang lebih mengembirakan lagi ialah ada sudah kedengaran permintaan orang ramai Program BandarKu Ceria ini dilaratkan lagi ke setiap daerah di negara ini, kedengaran kaola juga Yang Berhormat Pengerusi usulnya hari Ahad yang akan datang ini BangarKu Ceria barangkali Yang Berhormat dapat mengongsikan di Dewan yang mulia ini.

Jadi inilah yang kita mahukan bahawa inisiatif positif seperti ini menjadi tanggungjawab kita semua. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Wawasan Brunei 2035 hanya akan dapat direalisasikan dengan komitmen jitu daripada kesemua lapisan masyarakat di negara ini. Perubahan perlu bermula dari dalam diri kita sendiri, dan ini memerlukan kita sentiasa bersedia untuk berubah, bersikap proaktif, tidak berpaut kepada cara lama dalam menghadapi cabaran dan bersedia melakukan perubahan minda.

Cabarannya untuk mengubah cara pemilihan kadar pengambilan makanan adalah masalah terbesar yang kita hadapi di negara ini. Seseorang yang sudah rajin melakukan latihan jasmani tidak semestinya bererti beliau mampu

mengawal gaya pemakanannya. Dalam pada itu, seseorang yang telah dijangkiti penyakit kronik seperti penyakit jantung, darah tinggi atau kencing manis belum setentunya akan membuatkan dirinya insaf dan sedar untuk mengubah gaya hidup dan pemakanannya, umpamanya mula bersenam dan berhenti merokok.

Peranan persekitaran dan rakan-rakan sekeliling mempunyai pengaruh besar dalam menentukan sama ada seseorang itu dapat mengubah cara hidup dan pemakanannya. Oleh itu, kaedah *behavioural insight* ataupun kefahaman tingkah laku adalah menarik untuk digunakan.

Sebagai contoh, penyediaan pilihan secara tersedia ataupun (*default option*) akan mempengaruhi kelakuan ataupun keputusan tindak-tanduk seseorang. Penyediaan hanya buah-buahan, kopi tanpa gula ataupun air semasa mesyuarat sudah setentunya akan secara automatik memberikan pilihan sihat kepada yang hadir. Begitu juga penutupan lif ataupun eskalator akan membiasakan penghuni bangunan untuk menaiki tangga.

Dalam erti kata lain, usaha untuk mempengaruhi ataupun (*nudging*) kelakuan seseorang itu akan memerlukan penyediaan pilihan dan persekitaran yang mudah (*easy*), menarik (*attractive*), sosial dan tepat pada masanya (*timely*).

Apabila kesihatan dibudayakan (*culture of health*), semua aspek kehidupan akan memastikan kesihatan sentiasa

diutamakan baik dari segi pemakanan, persekitaran, pendidikan, perkerjaan mahupun pergaulan. Setiap individu, masyarakat, agensi kerajaan dan swasta akan memainkan peranan masing-masing. Apa jua tindakan dan dasar akan dibuat demi memastikan kesihatan dan gaya hidup sihat akan dapat dipupuk bersama.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan menyambut baik langkah Kementerian Kewangan dalam mengenakan cukai eksais ke atas produk-produk makanan yang mengandungi kandungan gula yang tinggi dan *Monosodium Glutamate (MSG)* bagi mengawal penggunaannya dan meningkatkan gaya hidup sihat.

Pengenaan cukai ke atas makanan dan minuman yang manis adalah satu intervensi yang telah terbukti (*evidence-based intervention*) seperti mana jua yang telah dapat dilihat di Mexico dan California, Amerika Syarikat bahawa penaikan kadar cukai ke atas minuman manis telah menunjukkan penurunan pembelian minuman manis dan pada masa yang sama pembelian air botol pula telah meningkat. Kaola berharap perubahan tabiat yang lebih cenderung kepada meminum air kosong akan dapat dilihat di negara kita، إن شاء الله.

Yang Berhormat Pengurus, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi kaola telah mengongsikan bahawa sebahagian daripada impian untuk melihat orang kitani semakin bertambah aktif beriadah dan bersukan telah hampir menjadi kenyataan. Alangkah indahnya jika

budaya kesihatan menjadi amalan di negara kita.

Di samping giat bersenam kita juga mengambil berat terhadap pemakanan kitani. Impian untuk melihat restoran mahupun majlis kenduri menghidangkan juadah atau menu pilihan sihat dengan membanyakkan pilihan sayur dan buah-buahan berbanding yang lain masih belum tercapai. Kita masih mempunyai cabaran dalam mengubah persepsi masyarakat bahawa makanan sihat lebih mahal dan tidak mudah diperolehi. Jika impian ini menjadi kenyataan, sudah setentunya generasi kitani, aset negara yang paling utama, akan dapat hidup dengan sihat dan sejahtera.

Yang Berhormat Pengurus, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola amatlah berharap agar apa yang dikongsikan akan dapat sedikit sebanyak memberikan kefahaman kepada kita semua selaku rakyat dan penduduk di negara ini dalam menjadikan kesihatan sebagai tanggungjawab bersama. Impak yang dihasilkan jika usaha itu datang dari peringkat akar umbi (*grassroot level*) adalah lebih signifikan. Dalam erti kata lain, kita mestilah mengambil pendekatan *inverting the pyramid* dan memperkuuhkan penglibatan masyarakat (*civic engagement*) yang kita semua sebagai individu memainkan peranan penting dalam membawa lebih banyak pemikiran kreatif dan penyelesaian yang lebih *sustainable* bagi merealisasikan visi "Bersama Ke Arah Warga Sihat" dan untuk kita

sama-sama mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Kesihatan yang baik akan menjurus kepada peningkatan produktiviti individu mahupun negara ke arah kesejahteraan sosioekonomi yang mapan. Dengan ini, Kementerian Kesihatan menyokong penuh tema Belanjawan Tahun 2017 iaitu:- ‘Belanjawan Seimbang bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi yang Mapan (*Sustainable*)’ dan segala usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan إِنْ شَاءَ اللَّهُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ adalah mendukung dan sejajar dengan fokus utama belanjawan.

Sekian dan sekali lagi kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan yang diberikan untuk menyampaikan mukadimah ini.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَاةُ أَسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah pun membentangkan belanjawan bagi tujuan dan matlamat kementeriannya dalam memantapkan lagi perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mempertimbangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan sekarang kita berhadapan pula dengan Kementerian Kesihatan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah pun membuat kenyataan dan pertanyaan dan juga sokongan-

sokongan dan perkara itu telah pun dijawab dan dipertimbangkan dengan mendalam oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Maka, perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini perlu kita teliti dan lihat dengan apa yang boleh kita panggil sebagai *fresh look* dan bagi membolehkan kita berbuat sedemikian, saya berpendapat bahawa Majlis Mesyuarat Jawatankuasa ini eloklah kita tangguhkan dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan dan kita إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Khamis, 16 Mac 2017, pukul 9.00 pagi, sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَاةُ أَسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)